

ENAKMEN SUMBER AIR KEDAH 2008

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tarikh permulaan kuat kuasa
3. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENYUSUNAN KEINSTITUSIAN

Lembaga Sumber Air

4. Penubuhan dan Pmerbadanan Lembaga
5. Keanggotaan Lembaga
6. Fungsi Lembaga
7. Kuasa Lembaga
8. Kehilangan kelayakan keanggotaan
9. Mesyuarat Lembaga
10. Jawatankuasa

Kakitangan Lembaga

11. Pengarah Sumber Air
12. Perwakilan
13. Pegawai dan kakitangan lain

Jawatankuasa Lembangan Sungai

14. Penubuhan Jawatankuasa Lembangan Sungai
15. Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Lembangan Sungai

Agensi Berkaitan

Seksyen

16. Agensi Berkaitan

BAHAGIAN III

KEWANGAN

17. Kumpulan Wang Sumber Air

18. Kumpulan Wang Pembangunan Air

19. Akaun dan laporan

BAHAGIAN IV

PERANCANGAN

20. Penyediaan rancangan lembangan sungai

21. Ulasan dan bantahan daripada orang awam

22. Penyelarasan dengan Negeri-Negeri lain

23. Pelaksanaan rancangan lembangan sungai

BAHAGIAN V

PENGUNAAN AIR

24. Pengabstrakan air

25. Pengairan

26. Cari gali dan pengabstrakan air tanah

27. Penggunaan air sara hidup

28. Pelencongan air

BAHAGIAN VI

PERLINDUNGAN SUMBER AIR

29. Kawalan pencemaran

30. Lesen untuk melepaskan efluen

31. Pengecualian daripada pelesenan

Seksyen

32. Kawalan hakisan, enapan dan perairan ribut
33. Arahan Lembaga

BAHAGIAN VII

PERLINDUNGAN KAWASAN KHAS

Rizab Sungai

34. Rizab sungai
35. Aktiviti di rizab sungai

Kawasan pemuliharaan air

36. Pengisytiharan kawasan pemuliharaan air
37. Arahan di kawasan pemuliharaan air

Pengambilan tanah yang diberi hakmilik

38. Pengambilan tanah yang diberi hakmilik

BAHAGIAN VIII

AKTIVITI LAIN

39. Pengesktrakan pasir dan bahan batuan yang lain
40. Rekreasi

BAHAGIAN IX

LANGKAH-LANGKAH KECEMASAN

41. Langkah-langkah pengurangan jika berlaku pencemaran akut
42. Langkah-langkah pengurangan jika berlaku kemarau
43. Langkah-langkah pertahanan banjir

BAHAGIAN X

TATACARA PELESENAN, KELULUSAN DAN RAYUAN

Pelesenan

44. Permohonan
45. Ulasan dan bantahan orang awam mengenai aktiviti yang penting

Seksyen

46. Keputusan
47. Kandungan lesen
48. Sekuriti
49. Daftar lesen
50. Obligasi pemegang lesen
51. Pengubahan syarat-syarat dalam lesen
52. Pembatalan
53. Penamatan

Tribunal Rayuan

54. Penubuhan Tribunal Rayuan
55. Anggota Tribunal Rayuan
56. Tatacara Tribunal Rayuan
57. Urus Setia
58. Prosiding

Tatacara rayuan

59. Rayuan
60. Rayuan tidaklah menjadi suatu penggantungan tindakan
61. Kuasa Tribunal Rayuan
62. Keputusan Tribunal Rayuan adalah muktamad

BAHAGIAN XI

FI DAN CAJ

63. Caj air mentah
64. Kuasa untuk menganggar amaun air yang digunakan
65. Mendapatkan fi dan caj

BAHAGIAN XII

PENGUATKUASAAN

Seksyen

66. Pegawai diberi kuasa
67. Kuasa untuk masuk dan memeriksa
68. Kuasa untuk masuk dan menyita semasa penyiasatan
69. Bukti kuasa
70. Arahan untuk menghentikan aktiviti
71. Perintah untuk impaun
72. Kuasa untuk mengambil tindakan pemulihan
73. Anggapan
74. Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes
75. Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan
76. Pendakwaan

BAHAGIAN XIII

KESALAHAN DAN PENALTI

77. Kesalahan berhubung dengan lesen
78. Kesalahan berhubung dengan arahan
79. Perampasan faedah wang
80. Mengganggu alat penyukat
81. Maklumat palsu atau mengelirukan
82. Menghalang pegawai diberi kuasa
83. Pemindahan bahan yang diimpau
84. Memecah dan memindahkan meterai
85. Pendedahan maklumat sulit

14 KEDAH DARUL AMAN NO. 2 TAHUN 2008

Seksyen

86. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
87. Perbuatan atau peninggalan ejen atau pekerja
88. Kesalahan am
89. Kesalahan yang berterusan
90. Pengkompaunan kesalahan

BAHAGIAN XIV

AM

91. Cara penyampaian dokumen
92. Perlindungan anggota dan orang lain
93. Peraturan-peraturan

BAHAGIAN XV

PEMANSUHAN DAN KECUALIAN

94. Pemansuhan
95. Kecualian

KEDAH DARUL AMAN

ENAKMEN No. 2 tahun 2008

BETA SETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

**TUANKU ABDUL
HALIM AL-HAJ**
Sultan Negeri Kedah Darul Aman

6 Safar 1429
13 February 2008

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai pengurusan bersepadu mengenai penggunaan, pembangunan dan perlindungan sumber air di Negeri Kedah.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Sumber Air Kedah 2008.

Tarikh permulaan kuat kuasa

2. Pihak Berkuasa Negeri boleh menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

3. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Agensi Berkaitan” ertinya mana-mana pihak berkuasa awam yang menguruskan perkara-perkara berkaitan atau mempunyai kesan ke atas sumber air di Negeri Kedah;

“air pinggir laut” ertinya apa-apa bahagian laut yang bersebelahan dengan pinggir laut Negeri sebagaimana yang disifatkan oleh undang-undang membentuk perairan wilayah Negeri itu;

“air tanah” ertinya air subpermukaan yang terdapat di bawah permukaan tanah dan formasi geologi;

“alam sekeliling” ertinya faktor fizikal persekitaran manusia termasuk tanah, air, atmosfera, cuaca, bunyi, bau, rasa, faktor biologi haiwan dan tumbuhan dan faktor sosial estetika;

“badan perairan” ertinya sungai, tasik, kolam, wetland, air pinggir laut, air tanah dan badan perairan yang lain sama ada semula jadi atau buatan termasuk tebing dan lapisan atau mana-mana bahagian tersebut atau persekitarannya;

“bahan pencemaran” ertinya apa-apa perkara yang menyebabkan pencemaran apabila dilepaskan ke dalam air;

“daerah lembangan sungai” ertinya mana-mana kawasan yang ditubuhkan menurut perenggan 7(d);

“ditetapkan” ertinya yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan di bawah Enakmen ini;

“efluen” ertinya kumbahan dan apa-apa sisa cecair atau air sisa dan termasuklah hasil larut resap dan telus dan pelepasan dari penternakan haiwan dan akuakultur;

“Jawatankuasa Lembangan Sungai” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 14;

“jurutera profesional” ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai jurutera profesional di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138];

“kawasan perkhidmatan pembentungan” ertinya kawasan yang di dalamnya pemegang lesen perkhidmatan pembentungan diberi kuasa untuk menyediakan perkhidmatan pembentungan;

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“Kerajaan Negeri” ertinya kerajaan Negeri Kedah;

“kerja tanah” termasuklah apa-apa perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, atau menebang pokok atau apa-apa perbuatan lain yang menyentuh atau mengganggu mana-mana tanah dalam kawasan rizab sungai atau kawasan pemuliharaan air;

“kumbahan” ertinya apa-apa pelepasan cecair yang mengandungi kumuhan manusia, haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan yang diperoleh daripada aktiviti domestik dan terhasil dari premis rumah, komersial, institusi dan industri termasuk lepasan cecair dari tandas, besen, singki, bilik air dan apa-apa perkakas kebersihan lain tetapi tidak termasuk air hujan dan efluen yang dilarang untuk dilepaskan sebagai kumbahan oleh mana-mana undang-undang yang terpakai;

“lapisan” berhubung dengan badan perairan ertinya tanah di bawah badan perairan yang disempadankan oleh tebing yang terdekat dengan badan perairan itu;

“Lembaga” ertinya Lembaga Sumber Air yang ditubuhkan menurut seksyen 4;

“lembangan sungai” ertinya mana-mana sungai dan kawasan tanah ia mengalir;

“mahkamah rendah” ertinya mahkamah yang ditubuhkan oleh Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*];

“Negeri” melainkan jika konteksnya menyatakan makna yang lain, ertinya Negeri Kedah;

“orang” termasuklah kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“pelepasan” ertinya mengeluarkan, meletakkan atau menyebabkan lepasan atau membenarkan apa-apa pengeluaran, peletakan atau pelepasan;

“pembangunan” sebagaimana yang dirujuk dalam seksyen 32 ertinya menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya dalam, pada, di atas atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya;

“pemunya” berhubung dengan—

(a) mana-mana premis, ertinya—

- (i) tuan punya berdaftar premis itu;
- (ii) penerima pajak suatu pajakan termasuk pajakan kecil premis itu, sama ada berdaftar atau sebaliknya;
- (iii) ejen atau pemegang amanah mana-mana pemunya yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii) takrifan ini atau jika pemunya sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii) tidak boleh dikesan atau telah mati, wakil dirinya di sisi undang-undang; atau
- (iv) orang yang buat sementara waktu menerima sewa premis itu sama ada atas akaunnya sendiri atau sebagai ejen atau pemegang amanah bagi mana-mana orang lain atau sebagai penerima atau yang menerima jika premis itu disewakan kepada penyewa;

(b) mana-mana vesel, ertinya—

- (i) orang berdaftar sebagai pemunya vesel;
- (ii) jika tiada pendaftaran, orang yang memiliki vesel itu;

- (iii) dalam hal vesel itu dipunyai oleh mana-mana negara dan dikendalikan oleh sebuah syarikat yang dalam negara itu didaftarkan sebagai pengendali vesel, “pemunya” hendaklah termasuk negara itu; atau
- (iv) ejen atau pemegang amanah mana-mana pemunya yang dinyatakan dalam subperenggan (i), (ii) dan (iii), atau jika pemunya itu sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (i) dan (ii) tidak boleh dikesan atau telah mati, wakil dirinya yang sah di sisi undang-undang;

- (c) mana-mana kenderaan ertinya orang yang berdaftar sebagai pemunya kenderaan itu;

“pencemaran” ertinya memasukkan apa-apa benda – pepejal, cecair atau gas ke dalam badan perairan yang menukar keadaan fizikal, kimia atau biologi air itu, dan menempatkan apa-apa benda dalam suatu posisi yang mana pencemaran masuk atau mungkin akan memasuki mana-mana badan perairan;

“pengabstrakan air” ertinya perbuatan mengalihkan, melencongkan atau mengabstrak air daripada badan perairan, sama ada air itu di atas atau di bawah permukaan tanah, dengan apa-apa cara, termasuk apa-apa struktur atau langkah-langkah bagi menahan atau menyimpan air, atau apa-apa pam, terusan, tali air, penstok, saluran, paip, pembentung, bor, perigi atau struktur yang lain, dan air abstrak hendaklah mempunyai maksud yang sepadan;

“Pengarah Sumber Air” ertinya Pengarah Sumber Air yang dilantik oleh Lembaga menurut seksyen 11 termasuklah mana-mana pegawai yang menjalankan tugas pengarah;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik dalam perenggan 5(1)(a), atau Pengerusi Rayuan Tribunal yang dilantik dalam perenggan 55(1)(a) masing-masing dan termasuklah Pengerusi yang dilantik sementara semasa menjalankan fungsi Pengerusi;

“penghuni” ertinya orang yang menghuni atau mengawal—

- (a) mana-mana premis;

(b) berhubung dengan premis yang bahagian-bahagian berlainan itu dihuni oleh orang yang berlainan, orang yang masing-masing menghuni atau mengawal setiap bahagian premis itu; atau

(c) apa-apa kenderaan atau vesel atau ;

“pengurus” sesebuah syarikat, masyarakat atau pertubuhan perbadanan lain termasuklah mana-mana ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi atau pegawai lain bertujuan untuk bertindak atas apa-apa sifat atau dalam apa-apa cara atau setakat berkenaan dengan tanggungjawab bagi pengurusan hal ehwal pertubuhan perbadanan;

“perigi” ertinya lubang yang digali dalam tanah untuk mendapatkan air;

“pertanian sara diri” ertinya pertanian yang mana sebahagian besar semua tanaman diguna oleh isi rumah petani;

“persekitaran air” ertinya badan perairan dan ekosistem bersekutu termasuk air, flora dan fauna, habitat, komuniti biotik, proses ekologi dan semua faktor fizikal, biologi dan sosial yang berkaitan dengannya;

“pihak berkuasa berkaitan” ertinya agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun yang menjalankan kuasa yang diletak hak kepadanya oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri, atau mana-mana orang yang dilantik oleh atau bertindak bagi pihak mana-mana pihak berkuasa tersebut;

“Pihak Berkuasa Negeri” mempunyai erti sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*];

“pihak berkuasa perancang tempatan” ertinya pihak berkuasa tempatan Negeri atau, bagi mana-mana kawasan yang tidak membentuk sebahagian daripada mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dalam Negeri;

“premis” termasuklah apa-apa bangunan atau struktur atau mana-mana bahagian daripadanya (sama ada lengkap atau tidak), apa-apa jentera atau loji, tanah tanpa apa-apa bangunan atau struktur, dan apa-

apa dermaga, tambangan, kemudahan pendaratan penumpang, vesel, struktur yang terapung atau tercacak atas mana-mana badan perairan;

“rancangan lembangan sungai” ertinya rancangan lembangan sungai yang disediakan menurut Bahagian IV;

“rizab sungai” ertinya rizab yang dinyatakan dalam seksyen 34 dan hendaklah termasuk tebing dan lapisan badan perairan;

“sisa” termasuklah apa-apa benda sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau gas yang dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan dalam alam sekeliling dalam apa-apa isipadu, komposisi atau cara yang menyebabkan pencemaran, dan apa-apa benda yang dinyatakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*] yang menjadi bahan buangan terjadual;

“struktur” ertinya apa-apa struktur termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, tanjakan bot, jambatan, benteng, benteng hakisan, lebuhraya, jeti, jalan raya dan laluan pejalan kaki;

“sumber air” termasuklah mana-mana sungai, lembangan sungai, air bumi atau badan air;

“sungai” ertinya mana-mana anak sungai, alur air semula jadi, atau apa-apa cawang sungai, sama ada semula jadi, diubah suai atau buatan, dan mana-mana kepungan di dalam alur;

“tanah beri hakmilik” ertinya tanah beri hakmilik sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kanun Tanah Negara 1965;

“tebing” berhubung dengan badan perairan ertinya apa-apa tebing yang terbentuk secara semula jadi atau secara buatan;

“undang-undang yang terpakai” berhubung dengan Agensi Berkaitan ertinya undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri, yang dilaksanakan dan dikuatkuasakan oleh Agensi Berkaitan;

“vesel” termasuklah bot, kapal atau pesawat yang terapung atau submarin dari tiap-tiap perihalan;

“wetland” ertinya tanah peralihan antara sistem daratan dan akuatik yang mana dataran air selalunya di atau hampir dengan permukaan, atau tanah yang diliputi dengan air cetek secara berkala, dan tanah yang dalam keadaan normal menyokong atau akan menyokong tumbuh-tumbuhan yang biasanya menyesuaikan kepada hidupan dalam tanah tepu;

BAHAGIAN II

PENYUSUNAN KEINSTITUSIAN

Lembaga Sumber Air

Penubuhan dan Pemerbadanan Lembaga

4. (1) Suatu Lembaga Sumber Air hendaklah ditubuhkan.

(2) Lembaga adalah sebuah pertubuhan perbadanan yang kekal turun-termurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan boleh menyaman dan disaman di atas namanya, dan boleh membuat kontrak dan memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih, dan boleh memindahhakkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih dan harta tak alih atau apa-apa kepentingan di dalamnya yang terletak hak pada Lembaga, atas apa-apa terma yang disifatkannya patut.

(3) Meterai perbadanan hendaklah mempunyai apa-apa tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(4) Meterai perbadanan hendaklah disimpan dalam jagaan Setiausaha Lembaga atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Setiausaha atau orang yang diberikan kuasa tersebut.

(5) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu, disahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(6) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keanggotaan Lembaga

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Menteri Besar Negeri Kedah sebagai Pengerusi;
- (b) Setiausaha Kerajaan Negeri yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri;
- (d) Pegawai Kewangan Negeri;
- (e) Pengarah Sumber Air;
- (f) Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri;
- (g) Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri;
- (h) Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri;
- (i) Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri;
- (j) Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri;
- (k) Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri;
- (l) Pengarah Negeri Jabatan Bekalan Air;
- (m) Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA);
dan

(n) Tidak lebih daripada dua ahli lain yang, pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kepakaran tinggi dalam perkara yang berhubungan dengan pengurusan dan pemuliharaan lembangan sungai dan sumber air.

(2) Pengarah Sumber Air hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Lembaga.

(3) Anggota Lembaga boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Fungsi Lembaga

6. Lembaga hendaklah mempunyai fungsi seperti yang berikut:

(a) untuk memastikan perlindungan kehidupan yang menyokong kapasiti air dan ekosistem, memaksimumkan faedah ekonomik, sosial dan alam sekitar mereka untuk generasi sekarang dan masa hadapan dan mengelakkan apa-apa kesan yang buruk dalam penggunaan dan pembangunan sumber air;

(b) untuk mengawal selia pemindahan air antara lembangan dalam Negeri;

(c) untuk menggalakkan dan memudahkan kerjasama dan penyelarasan antara agensi yang berlainan bagi penggunaan pelbagai fungsi sumber air;

(d) untuk menyelaraskan cari gali dan pembangunan sumber air tambahan;

(e) untuk membangunkan keupayaan dan kepakarannya untuk bertindak sebagai tempat rujukan pusat bagi isu pengurusan sumber air bersepadu dalam Negeri; dan

(f) untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan pengurusan dan pemindahan air antara Negeri.

Kuasa Lembaga

7. Lembaga hendaklah mempunyai kuasa seperti yang berikut:
- (a) untuk meluluskan rancangan lembangan sungai yang disediakan oleh Pengarah Sumber Air untuk dikemukakan bagi kelulusan Pihak Berkuasa Negeri;
 - (b) untuk menasihati dan membantu Pihak Berkuasa Negeri dalam merumuskan atau mengkaji semula perundangan, arahan dan tatacara dengan tujuan untuk menggalakkan atau memudahkan pelaksanaan pengurusan sumber air bersepadu;
 - (c) untuk meluluskan projek pembangunan yang berkaitan pengurusan sumber air bersepadu untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri atau Persekutuan yang berkenaan dengan tujuan untuk memperoleh bantuan kewangan dan teknikal yang dikehendaki;
 - (d) untuk membahagi Negeri kepada daerah lembangan sungai, menetapkan dan menentukan sempadan mereka bagi pengurusan yang wajar oleh Jawatankuasa Lembangan Sungai.
 - (e) untuk meluluskan dan mengeluarkan garis panduan, piawaian pelaksanaan, kaedah-kaedah dan tatacara mengenai pengurusan, penggunaan dan pemuliharaan sumber air;
 - (f) untuk mengeluarkan kepada Agensi Berkaitan dan mana-mana orang lain, apa-apa arahan yang difikirkannya perlu ; dan
 - (g) untuk melakukan semua perkara yang perlu untuk atau bersampingan dengan penunaian fungsinya.

Kehilangan kelayakan keanggotaan

8. Orang-orang yang berikut hilang kelayakan daripada dilantik, atau jika dilantik, kekal sebagai anggota Lembaga:
- (a) seseorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan tanggungjawab atau menguruskan hal ehwalnya sendiri;

- (b) seseorang yang telah disabitkan dengan apa-apa kesalahan melibatkan fraud, ketidakjujuran atau kekejian moral; atau
- (c) seorang yang diisytiharkan bankrap.

Mesyuarat Lembaga

9. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekerap yang diperlukan atau suai manfaat bagi menjalankan fungsinya, dan setiap jarak waktu tidak lebih dari tiga bulan antara mesyuarat.

(2) Korum bagi mana-mana mesyuarat hendaklah sembilan orang anggota Lembaga.

(3) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga. Apabila Pengerusi tidak dapat menjalankan fungsinya oleh sebab sakit, tidak berada di Malaysia, atau oleh apa-apa sebab lain, Timbalan Pengerusi hendaklah menjalankan fungsi Pengerusi itu dan pada menjalankan fungsi itu, Timbalan Pengerusi hendaklah bagi maksud Enakmen ini, disifatkan sebagai Pengerusi mesyuarat Lembaga itu.

(4) Lembaga hendaklah menentukan apa-apa perkara secara majoriti anggota yang hadir dan mengundi, dan sekiranya berlaku bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi yang mempengerusikan hendaklah mempunyai hak undi pemutus.

(5) Kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam Enakmen ini, Lembaga hendaklah menentukan pengendalian dan tatacaranya sendiri.

Jawatankuasa

10. Lembaga boleh melantik suatu jawatankuasa pakar dan apa-apa jawatankuasa lain yang difikirkannya perlu untuk membantu dan menasihatinya dalam menjalankan fungsi dan kuasanya dan terma-terma dan tatacara jawatankuasa tersebut hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

*Kakitangan Lembaga***Pengarah Sumber Air**

11. (1) Seorang Pengarah Sumber Air hendaklah dilantik oleh Lembaga bagi maksud Enakmen ini.

(2) Pengarah Sumber Air hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menyediakan rancangan lembangan sungai untuk kelulusan Lembaga dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi kelulusannya;
- (b) untuk memastikan bahawa semua rancangan lembangan sungai menyumbang ke arah memastikan suatu pendekatan bersepadu dalam pengurusan lembangan sungai di seluruh Negeri;
- (c) untuk menyediakan dan menyiarkan secara tahunan, suatu laporan mengenai keadaan persekitaran air di Negeri;
- (d) untuk menyediakan dan menyiarkan secara tahunan, suatu laporan perkembangan mengenai aktiviti Lembaga dan pelaksanaan tugas dan fungsi oleh Agensi Berkaitan yang dianggap berasal daripadanya di bawah Enakmen ini;
- (e) untuk menyediakan dan menyelia penyediaan cadangan pembangunan berkaitan pengurusan sumber air bersepadu sebagai menyokong permintaan bagi bantuan teknikal atau kewangan daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan;
- (f) untuk bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan pegawai dan kakitangan Lembaga yang sepatutnya;
- (g) untuk memastikan aliran dan pertukaran maklumat mengenai projek, rancangan dan aktiviti yang mempunyai kaitan ke atas pengurusan sumber air bersepadu antara Lembaga, Agensi Berkaitan dan sektor swasta, dan antara Lembaga dan Kerajaan Persekutuan;

- (h) untuk sentiasa memaklumkan dan mengemaskinikan Lembaga mengenai inisiatif Kerajaan Persekutuan tentang perkara pengurusan sumber air bersepadu yang mempunyai implikasi kepada Negeri;
 - (i) untuk memudahkan aktiviti pembinaan kesedaran dan keupayaan untuk Agensi Berkaitan dan sektor swasta;
 - (j) untuk membantu Lembaga atas sifatnya sebagai Setiausaha Lembaga dan melaksanakan apa-apa tugas dan fungsi lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga; dan
 - (k) untuk menjalankan apa-apa kuasa lain yang ditetapkan di bawah Enakmen ini.
- (3) Dalam menjalankan fungsinya di bawah subseksyen (2), Pengarah Sumber Air boleh—
- (a) mengeluarkan suatu arahan secara bertulis yang menghendaki mana-mana orang atau pertubuhan untuk memberikan apa-apa bantuan atau mengemukakan apa-apa data, butir-butir atau dokumen untuk pemeriksaannya mengikut mana yang difikirkannya patut; dan
 - (b) membuat apa-apa siasatan mengikut mana yang perlu bagi penjalanan tugas dan fungsi Lembaga yang sepatutnya di bawah Enakmen ini; dan
 - (c) mengeluarkan suatu arahan secara bertulis yang menghendaki, mana-mana orang untuk membenarkan akses kepada rekod yang ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya.
- (4) Pengarah Sumber Air hendaklah dilantik berdasarkan apa-apa terma dan syarat penggajian sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Perwakilan

12. Pengarah Sumber Air boleh mewakilkan mana-mana kuasa yang terletak hak kepadanya di bawah Enakmen ini, kecuali bagi kuasa perwakilan ini, kepada mana-mana pegawai Lembaga, mana-mana

pegawai Agensi Berkaitan atau mana-mana orang atau pertubuhan lain yang dikenal pasti oleh Lembaga setakat dan berdasarkan terma sebagaimana yang ditetapkan olehnya secara bertulis, dan apa-apa perwakilan tersebut tidak boleh menghalang Pengarah Sumber Air daripada menjalankan kuasa yang diwakilkannya itu.

Pegawai dan kakitangan lain

13. (1) Pegawai dan kakitangan hendaklah dilantik sebagaimana yang perlu untuk membantu menjalankan tugas dan fungsi Lembaga dan Pengarah Sumber Air di bawah Enakmen ini.

(2) Saraan, terma-terma dan syarat-syarat penggajian pegawai dan kakitangan tersebut hendaklah ditentukan oleh Lembaga selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Enakmen Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Kedah) 2003 hendaklah terpakai kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga.

Jawatankuasa Lembaga Sungai

Penubuhan Jawatankuasa Lembaga Sungai

14. (1) Lembaga hendaklah mengenal pasti melalui nama dan menyiarkan dalam *Warta* tiap-tiap daerah lembangan sungai yang dilukiskan menurut kuasanya di bawah perenggan 7(d), dan suatu Jawatankuasa Lembaga Sungai hendaklah ditubuhkan untuk bertanggungjawab bagi tiap-tiap daerah lembangan sungai yang dilukiskan.

(2) Anggota Jawatankuasa Lembaga Sungai hendaklah termasuk Pegawai Daerah yang berkaitan dan terdiri daripada orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah Sumber Air selepas berunding dengan Pegawai Daerah.

Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Lembaga Sungai

15. (1) Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Lembaga Sungai hendaklah termasuk—

- (a) menyasat apa-apa perkara yang menyentuh pengurusan lembangan sungai yang dirujuk oleh Lembaga kepadanya dan menyediakan untuk Lembaga, suatu laporan penyiasatan itu;
- (b) membantu Pengarah Sumber Air dalam penyediaan draf rancangan lembangan sungai dan apa-apa laporan lain sebagaimana yang beliau kehendaki;
- (c) mereka aktiviti dan program untuk melaksanakan syor di bawah rancangan lembangan sungai yang berkaitan; dan
- (d) menjalankan apa-apa fungsi sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga.

(2) Dalam menjalankan fungsi dan kuasanya, Jawatankuasa Lembangan Sungai hendaklah memasukkan suatu proses perundingan dengan Agensi Berkaitan dan anggota awam yang mempunyai kepentingan dalam sumber air.

Agensi Berkaitan

Agensi Berkaitan

16. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam undang-undangnya yang terpakai, tiap-tiap Agensi Berkaitan hendaklah, berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan sumber air, mempunyai tanggungjawab dan kuasa untuk—

- (a) bekerjasama dengan dan memberikan bantuan kepada Lembaga dan Pengarah dalam menjalankan fungsi mereka;
- (b) mematuhi peraturan-peraturan, polisi, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini sebagaimana yang terpakai kepadanya;
- (c) memasukkan dalam lesen, permit dan kelulusan yang dikeluarkan olehnya apa-apa syarat dan kehendak sebagaimana yang dinyatakan di bawah Enakmen yang terpakai bagi setiap jenis lesen, permit dan kelulusan;

- (d) membantu dan menyumbangkan mengikut mana yang perlu kepada penyediaan rancangan lembangan sungai;
- (e) menyediakan, menubuhkan, melaksanakan dan mengkaji semula kaedah-kaedah dan rancangan untuk mengawasi aktiviti dan menggalakkan pengurusan sumber air bersepadu selaras dengan rancangan lembangan sungai;
- (f) menyiasat dan melaporkan mengenai perkara yang dikenal pasti oleh Lembaga atau Pengarah Sumber Air yang berkaitan bagi penjalanan fungsi mereka yang sepatutnya di bawah Enakmen ini; dan
- (g) menyediakan tanpa caj apa-apa maklumat mengenai sumber air dan aktiviti yang dikawal selia oleh Enakmen ini sebagaimana Lembaga atau Pengarah Sumber Air kehendaki.

(2) Sekiranya berlaku apa-apa pertikaian antara dua atau lebih Agensi Berkaitan mengenai penjalanan kuasa dan fungsi mereka di bawah Enakmen ini—

- (a) pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Lembaga bagi keputusannya; dan
- (b) semua pihak kepada pertikaian itu hendaklah mematuhi keputusan Lembaga dan apa-apa arahan yang dikeluarkan olehnya.

BAHAGIAN III

KEWANGAN

Kumpulan Wang Sumber Air

17. (1) Suatu Kumpulan Wang Sumber Air hendaklah ditubuhkan yang ke dalamnya hendaklah didepositkan yang berikut:

- (a) pemberian daripada Kerajaan Negeri;
- (b) pemberian daripada Kerajaan Persekutuan;

- (c) sumbangan daripada mana-mana orang atau badan yang diluluskan oleh Lembaga;
 - (d) semua fi dan caj, wang dan harta lain, yang dalam apa-apa cara dibayar atau menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak kepada Lembaga berhubung dengan penjalanan kuasa dan fungsinya di bawah Enakmen ini.
- (2) Kumpulan Wang Sumber Air hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.
- (3) Kumpulan Wang Sumber Air hendaklah dibelanjakan untuk antara lain, bagi maksud yang berikut:
- (a) membayar gaji, elaun, faedah wang dan perbelanjaan lain anggota Lembaga, anggota jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Enakmen, dan kakitangan Lembaga;
 - (b) membayar apa-apa kos dan perbelanjaan lain yang ditanggung oleh Lembaga dalam menjalankan kuasa dan fungsinya di bawah Enakmen ini;
 - (c) membuat peruntukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Air sebagaimana difikirkan patut oleh Lembaga.

Kumpulan Wang Pembangunan Air

- 18.** (1) Suatu Kumpulan Wang Pembangunan Air hendaklah ditubuhkan yang ke dalamnya hendaklah didepositkan yang berikut:
- (a) pinjaman dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi maksud Kumpulan Wang Pembangunan Air;
 - (b) hadiah dan sumbangan daripada mana-mana orang atau badan yang diluluskan oleh Lembaga;
 - (c) wang yang diterima daripada penguatkuasaan sekuriti;

- (d) apa-apa jumlah yang diterima oleh Lembaga menurut suatu dana, insentif atau skim pembangunan Kerajaan Persekutuan atau Negeri; dan
- (e) caruman daripada Kumpulan Wang Sumber Air.

(2) Kumpulan Wang Pembangunan Air hendaklah diuruskan dan dikawal oleh Lembaga dan dibelanjakan bagi antara lain, maksud yang berikut:

- (a) menggalakkan, menganjurkan, menjalankan dan membiayai projek bagi—
 - (i) penambahbaikan kualiti air dalam badan perairan;
 - (ii) pembinaan kerja bagi pengurusan sumber air, dan
 - (iii) mengembalikan dan memulihkan badan perairan dan ekosistem mereka.
- (b) memulihkan pencemaran badan perairan yang tidak diduga dan kesan buruk yang lain ke atas persekitaran air.

Akaun dan laporan

19. (1) Lembaga hendaklah menyimpan akaun yang sepatutnya menurut prinsip perakaunan yang secara amnya diterima.

(2) Akaun itu hendaklah diaudit secara tahunan oleh seorang juru audit yang dilantik oleh Lembaga .

(3) Lembaga hendaklah, dalam masa enam bulan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, memindahkan akaunnya yang telah diaudit kepada Menteri Besar bersama-sama dengan salinan Laporan Tahunan Lembaga dan belanjawan tahunan Lembaga.

(4) Menteri Besar hendaklah menyebabkan salinan akaun yang diaudit dan Laporan Tahunan Lembaga dibentangkan di mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang seterusnya dan dibahaskan dengan sewajarnya.

BAHAGIAN IV
PERANCANGAN

Penyediaan rancangan lembangan sungai

20. (1) Pengarah Sumber Air hendaklah, dengan kerjasama dan penglibatan Agensi Berkaitan, menyediakan rancangan-rancangan lembangan sungai bagi maksud pengurusan sumber air bersepadu dengan menurut keutamaan, kawasan geografi dan jadual waktu yang ditentukan oleh Lembaga.

- (2) Suatu rancangan lembangan sungai hendaklah termasuk—
- (a) penyata mengenai objektif rancangan itu;
 - (b) rujukan kepada polisi dan rancangan lain yang memberi kesan ke atas sumber sungai dan persekitaran air;
 - (c) pengenalpastian sumber air lembangan sungai;
 - (d) status kuantiti dan kualiti sumber air termasuk keadaan semasa dan corak pembangunan;
 - (e) aktiviti penting yang mempengaruhi kuantiti dan kualiti sumber air dan menilai kesan ini;
 - (f) objektif kualiti air bagi badan perairan;
 - (g) strategi dan langkah-langkah bagi perlindungan, pemuliharaan, pembangunan dan penggunaan sumber air dan bagi mengekalkan dan memperbaiki kuantiti dan kualiti air dan persekitaran air;
 - (h) penanda aras bagi pencapaian objektif dan pelaksanaan langkah-langkah;
 - (i) pengenalpastian kawasan pemuliharaan air yang dirujuk dalam seksyen 36; pengubahan rizab sungai yang dirujuk dalam subseksyen 34(2); dan kawasan mengekstrak pasir dan bahan batuan lain yang dirujuk dalam seksyen 39; dan

(j) apa-apa perkara lain yang Lembaga boleh memohon untuk dimasukkan.

(3) Rancangan lembangan sungai hendaklah disediakan bagi setiap lembangan sungai dan hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh sepuluh tahun.

(4) Sekurang-kurangnya satu tahun sebelum tamat tempoh yang dirujuk dalam subseksyen (3), Pengarah Sumber Air hendaklah—

(a) menyediakan satu rancangan lembangan sungai yang disemak atau baru dan dikemukakan untuk kelulusan Lembaga dan dikemukakan selanjutnya kepada Pihak Berkuasa Negeri; atau

(b) mengesyorkan kepada Lembaga bahawa rancangan lembangan sungai yang sedia ada dilanjutkan.

(5) Walau apa pun subseksyen (3) dan (4), rancangan lembangan sungai boleh dikaji semula, diubah, dipinda atau digantikan dengan suatu rancangan lembangan sungai yang baru pada bila-bila masa sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Ulasan dan bantahan daripada orang awam

21. (1) Secepat yang dapat dilaksanakan selepas draf suatu rancangan lembangan sungai atau suatu cadangan untuk kajian semula, pengubahan atau pindaan kepada suatu rancangan lembangan sungai yang sedia ada telah dikemukakan kepada Lembaga, Pengarah Sumber Air hendaklah—

(a) menyiarkan, sekurang-kurangnya dalam tiga keluaran dua jenis akhbar tempatan, yang mana satu daripadanya hendaklah akhbar dalam bahasa kebangsaan, suatu notis yang menyatakan bahawa salinan rancangan itu adalah tersedia untuk pemeriksaan di pejabat Pengarah Sumber Air dan di tempat-tempat lain sebagaimana yang ditetapkan olehnya dan tempoh yang di dalamnya ulasan dan bantahan kepada rancangan itu boleh dikemukakan kepada Lembaga; dan

(b) membuat salinan rancangan itu tersedia untuk pemeriksaan oleh orang awam di tempat-tempat yang dinyatakan dalam notis.

(2) Ulasan dan bantahan kepada draf rancangan itu hendaklah dibuat dalam tempoh tidak lebih daripada satu bulan dari tarikh penyiaran pertama notis di bawah perenggan (1)(a).

(3) Pengarah Sumber Air hendaklah mengemukakan untuk pertimbangan Lembaga, semua ulasan dan bantahan yang diterima daripada orang awam berkenaan dengan draf rancangan itu dan Lembaga hendaklah kemudiannya memutuskan sama ada draf rancangan itu perlu disemak, dipinda atau ditarik balik.

(4) Jika suatu rancangan lembangan sungai diluluskan oleh Lembaga, ia hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pengesahannya, maka rancangan itu hendaklah berkuat kuasa.

(5) Notis pengesahan Pihak Berkuasa Negeri mengenai rancangan lembangan sungai hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu daripadanya hendaklah akhbar dalam bahasa kebangsaan bersama-sama dengan suatu kenyataan tempat di mana rancangan itu boleh diperiksa.

Penyelarasan dengan Negeri-Negeri lain

22. Tujuan untuk memastikan pengurusan sumber air bersepadu hendaklah diperluaskan kepada mana-mana badan perairan atau lembangan sungai yang dikongsi bersama-sama Negeri lain di Malaysia dan Lembaga hendaklah berusaha untuk menyelaras penyediaan rancangan lembangan sungai dengan Negeri lain supaya diputuskan suatu rancangan lembangan sungai dengan langkah-langkah khas bagi setiap Negeri.

Pelaksanaan rancangan lembangan sungai

23. (1) Jika suatu rancangan lembangan sungai telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, tiap-tiap Agensi Berkaitan hendaklah mengambil tindakan untuk melaksanakan langkah-langkah rancangan tersebut yang

menghendaki tindakan oleh agensi masing-masing, dan hendaklah menjalankan fungsinya mengikut cara yang memberi kesan kepada objektif rancangan lembangan sungai tersebut.

(2) Jika Lembaga mengenal pasti tiada perkembangan dalam pelaksanaan rancangan lembangan sungai, Lembaga boleh mengarahkan Agensi Berkaitan untuk mengambil apa-apa tindakan atau langkah-langkah yang perlu sebagaimana yang difikirkannya patut.

BAHAGIAN V

PENGGUNAAN AIR

Pengabstrakan air

24. (1) Tertakluk kepada seksyen 25 hingga 27, tiada seseorang pun boleh mengabstrak air daripada mana-mana badan perairan melainkan jika diberikan lesen untuk berbuat demikian oleh Pengarah Sumber Air.

(2) Satu lesen bagi pengabstrakan air hanya boleh diberikan apabila pengabstrakan tidak—

- (a) menimbulkan apa-apa ancaman kepada atau mempunyai kesan yang buruk yang tidak wajar ke atas kualiti, kuantiti atau aliran air, atau persekitaran air; atau
- (b) bercanggah dengan mana-mana rancangan lembangan sungai.

Pengairan

25. Kehendak bagi suatu lesen di bawah seksyen 24 tidak terpakai terhadap pemunya atau penghuni tanah yang bagi tujuan pengairan untuk penanaman padi, mengabstrak air daripada badan perairan dalam sesebuah kawasan—

- (a) yang diisytiharkan sebagai Kawasan Pengairan selaras dengan Akta Kawasan-Kawasan Pengairan 1953 [*Akta 386*]; atau
- (b) yang ditetapkan sebagai “Kawasan Muda” di bawah seksyen 9, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972 [*Akta 70*].

Cari gali dan pengabstrakan air tanah

26. (1) Tiada seorang pun yang boleh mengabstrak atau menggunakan air tanah atau menggerudi atau membesarkan mana-mana perigi yang sedia ada sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa atau menggerudi ke dalam tanah bagi maksud cari gali air tanah melainkan jika cari gali, pengabstrakan, penggunaan, penggerudian atau pembesaran itu secara nyata dibenarkan melalui lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 24.

(2) Di mana lesen yang dikeluarkan untuk pengabstrakan atau penggunaan air tanah atau cari gali air tanah, sesalinan lesen hendaklah dihantar oleh Pengarah Sumber Air kepada Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains dalam masa tiga puluh hari daripada keluaran lesen.

Penggunaan air sara hidup

27. (1) Pengarah Sumber Air boleh mengecualikan mana-mana pemunya atau penghuni premis apa-apa lesen atau caj bagi pengabstrakan air yang mencukupi untuk isi rumahnya dan penggunaan pertanian sara hidup daripada air tanah di bawah premisnya dan daripada mana-mana badan perairan dengan buka depannya kepada premis yang dipunyai atau dihuni olehnya dengan syarat—

- (a) amaun yang diabstrak pada bila-bila masa tidak melebihi sepuluh meter padu atau digunakan lebih daripada dua puluh orang; dan
- (b) dalam hal air tanah, amaun yang diabstrak dalam mana-mana hari tidak melebihi dua ribu lima ratus liter dan pengabstrakan tidak menghendaki sebuah perigi untuk digerudi;

(2) Pengecualian di bawah subseksyen (1) tidak terpakai jika Pengarah Sumber Air memutuskan bahawa pengabstrakan menimbulkan ancaman yang serius kepada ketersediaan atau kualiti air atau kepada persekitaran air;

(3) Pengarah Sumber Air boleh mengarahkan seseorang yang menjalankan hak yang diberikan melalui seksyen ini untuk memasang atau mengendalikan suatu peranti untuk mengawal selia atau memantau penggunaan air.

Pelencongan air

28. Tiada seseorang pun boleh—

- (a) menggendalakan atau melencongan aliran semula jadi air dalam badan perairan; atau
- (b) meletakkan atau menyebabkan atau membenarkan untuk diletakkan atau menjatuhkan atau mengalirkan ke dalam mana-mana badan perairan apa-apa objek yang boleh mengganggu aliran semula jadi air

kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah Sumber Air.

BAHAGIAN VI**PERLINDUNGAN SUMBER AIR****Kawalan pencemaran**

29. (1) Tiada seseorang pun boleh melepaskan—

- (a) apa-apa bahan pencemaran ke dalam mana-mana badan perairan; atau
- (b) apa-apa bahan pencemaran ke atas atau ke dalam tanah dalam keadaan yang mungkin menyebabkan apa-apa bahan pencemaran memasuki mana-mana badan perairan

kecuali setakat yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini.

(2) Tiap-tiap orang dikehendaki untuk mengelakkan, memulihkan atau mengurangkan apa-apa kesan yang buruk pada persekitaran air yang timbul daripada apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh atau bagi pihak orang itu, sama ada aktiviti itu dibenarkan atau tidak, melalui lesen yang diberikan di bawah Enakmen ini.

(3) Jika apa-apa pencemaran yang tidak wajar berlaku, pemegang lesen atau orang atau pemunya yang bertanggungjawab bagi aktiviti itu

mesti memaklumkan Pengarah Sumber Air dengan segera dan dengan sendiri mengambil semua langkah yang munasabah untuk memulihkan dan mengurangkan kesan yang buruk itu ke atas alam sekitar.

Lesen untuk melepaskan efluen

30. (1) Tiada seseorang pun boleh melepaskan apa-apa efluen ke dalam badan perairan atau ke dalam tanah melainkan jika pelepasan itu dibenarkan melalui lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah Sumber Air.

(2) Apabila memberikan suatu lesen pelepasan Pengarah Sumber Air hendaklah—

- (a) memastikan bahawa pelepasan yang dibenarkan tidak akan menimbulkan apa-apa ancaman kepada atau kesan ke atas kualiti, kuantiti atau aliran air, atau persekitaran air melampaui apa yang, pada pendapat Pengarah Sumber Air, adalah munasabah untuk mencapai maksud pelepasan;
- (b) mengambil kira nilai had pengeluaran yang berkaitan, kriteria kualiti air dan objektif yang ditetapkan dalam rancangan lembangan sungai atau selainnya melalui Enakmen ini dan perundangan lain yang terpakai; dan
- (c) mengambil kira kesan kumulatif akan semua pelepasan ke dalam perairan penerima.

(3) Tiap-tiap Agensi Berkaitan yang mengeluarkan suatu lesen berhubung dengan, atau selainnya membenarkan apa-apa pelepasan efluen ke dalam badan perairan hendaklah memastikan dan mengambil kira perkara yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c).

Pengecualian daripada pelesenan

31. Keperluan bagi pelesenan di bawah seksyen 30 tidak terpakai jika air buangan itu dilepaskan dalam keadaan yang berikut:

- (a) pelepasan efluen yang dibenarkan melalui suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*]; atau

- (b) pelepasan kumbahan ke dalam sistem pembentungan di kawasan perkhidmatan pembentungan;

Kawalan hakisan, enapan dan perairan ribut

32. (1) Tiada seseorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti ke atas tanah yang melibatkan kerja tanah melainkan jika terdapat langkah-langkah untuk mengelakkan atau meminimumkan hakisan dan apa-apa kesan yang buruk ke atas penyaliran perairan ribut, badan perairan dan persekitaran air.

(2) Di mana aktiviti itu terdiri daripada pembangunan tanah atau pembinaan, seseorang itu yang dikehendaki membuat suatu permohonan untuk kelulusan pihak yang berkenaan untuk aktiviti tersebut hendaklah, sebelum membuat permohonan tersebut, menyerahkan kepada Pengarah Sumber Air—

- (a) Pelan kerja tanah yang menunjukkan langkah-langkah untuk mengurangkan hakisan dan pegenapan; dan
- (b) Laporan yang terdiri daripada:
- (i) pelan susun atur penyaliran yang menerangkan cadangan langkah-langkah untuk mengawal dan mengurangkan apa-apa kesan buruk penyaliran di tapak; dan
 - (ii) perkiraan tentang sumbangan pembangunan atau pembinaan yang dicadangkan terhadap pelepasan puncak perairan ribut.

(3) Di mana cadangan pembangunan atau pembinaan melibatkan kerja tanah yang berukuran satu hektar atau lebih, pelan kerja tanah tersebut yang dirujuk dalam perenggan (2)(a) harus mengambil bentuk satu pelan kawalan, hakisan dan pegenapan yang disediakan oleh seorang jurutera profesional.

(4) Di mana cadangan pembangunan atau pembinaan melibatkan satu kawasan tanah yang melebihi seribu meter persegi, atau had-had yang lain yang boleh ditetapkan oleh Lembaga, laporan yang dirujuk dalam perenggan (2)(b) harus disediakan oleh seorang jurutera profesional.

(5) Apabila memeriksa pelan kerja tanah dan laporan tersebut, Pengarah Sumber Air harus mengeluarkan ulasan bertulis terhadap aktiviti tersebut, di mana ulasan boleh termasuk cadangan kepada Pihak Berkuasa yang berkenaan tentang syarat-syarat untuk dimasukkan dalam apa-apa kelulusan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan.

(6) Lembaga boleh menetapkan aktiviti-aktiviti lain yang melibatkan kerja tanah yang menghendaki ulasan atau cadangan Pengarah Sumber Air dan apa-apa syarat yang perlu dikenakan berhubung dengan apa-apa kelulusan, lesen atau permit.

Arahan Lembaga

33. (1) Semua ulasan dan cadangan yang dikeluarkan oleh Pengarah Sumber Air di bawah Bahagian ini atau Bahagian VIII hendaklah dilaporkan kepada Lembaga.

(2) Lembaga boleh mengeluarkan arahan kepada Agensi Berkaitan untuk memastikan bahawa ulasan dan cadangan Pengarah Sumber Air diambil kira sebelum apa-apa kelulusan, lesen atau permit dibenarkan.

BAHAGIAN VII

PERLINDUNGAN KAWASAN KHAS

Rizab sungai

Rizab sungai

34. (1) Bagi maksud Enakmen ini, rizab sungai hendaklah terdiri daripada kawasan tanah yang berikut—

- (a) dalam jarak 50 (lima puluh) meter dari atas tebing sungai, termasuk muaranya, jika saluran sungai adalah 40 (empat puluh) meter atau lebih daripada 40 (empat puluh) meter lebarnya;
- (b) dalam jarak 40 (empat puluh) meter dari atas tebing sungai, termasuk muaranya, jika saluran sungai adalah 20 (dua puluh) meter atau lebih daripada 20 (dua puluh) meter tetapi kurang daripada 40 (empat puluh) meter lebarnya;

- (c) dalam jarak 20 (dua puluh) meter dari atas tebing sungai, termasuk muaranya, jika saluran sungai adalah 20 (dua puluh) meter atau lebih daripada 10 (sepuluh) meter tetapi kurang daripada 20 (dua puluh) meter lebarnya;
 - (d) dalam jarak 10 (sepuluh) meter dari atas tebing sungai, termasuk muaranya, jika saluran sungai adalah 5 (lima) meter atau lebih daripada lima meter tetapi kurang daripada sepuluh meter lebarnya; atau
 - (e) dalam jarak lima meter dari atas tebing sungai, termasuk muaranya, jika saluran sungai adalah 1 (satu) meter atau lebih daripada 1 (satu) meter lebarnya tetapi kurang daripada 5 (lima) meter lebarnya.
- (2) Atas syor Lembaga, Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—
- (a) mengurangkan jarak yang dinyatakan dalam subseksyen (1) mengenai rizab sungai yang dinyatakan dalam kawasan sedia ada yang dibangunkan; atau
 - (b) menaikkan jarak yang ditetapkan dalam subseksyen (1) mengenai rizab sungai yang ditetapkan di mana Lembaga mendapati suai manfaat untuk tujuan pengurangan banjir.

Aktiviti di rizab sungai

- 35.** (1) Tiada seseorang pun boleh, melainkan jika dibenarkan melalui lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah Sumber Air, menjalankan apa-apa aktiviti dalam rizab sungai, yang melibatkan—
- (a) pemindahan tumbuh-tumbuhan semula jadi, penebangan apa-apa pokok atau pemindahan atau pelonggokan bahan;
 - (b) pembinaan struktur atau bangunan;
 - (c) pelaksanaan aktiviti komersial atau pertanian; atau
 - (d) pengubahan, halangan atau gangguan kepada mana-mana badan perairan.

(2) Lembaga boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan apa-apa jenis aktiviti daripada dilesenkan di bawah seksyen ini.

(3) Jika Pengarah Sumber Air mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu aktiviti atau struktur atau bangunan, dalam suatu rizab sungai atau badan perairan yang bersebelahan dengan rizab itu, menyebabkan pengurangan dalam isipadu atau aliran air atau degradasi kualiti air atau persekitaran air, Pengarah Sumber Air boleh, secara bertulis, mengarahkan orang itu menjalankan aktiviti itu atau pemunya atau penghuni struktur atau bangunan itu—

- (a) untuk mengubah suai atau menghentikan aktiviti itu; atau
- (b) untuk mengubah suai, menempatkan semula atau memindahkan struktur atau bangunan itu; dan
- (c) memulihkan rizab sungai atau badan perairan kepada keadaannya sebaik sahaja sebelum pelaksanaan aktiviti atau pembinaan struktur atau bangunan tersebut.

Kawasan pemuliharaan air

Pengisytiharan kawasan pemuliharaan air

36. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas nasihat Lembaga, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengisytiharkan suatu kawasan tanah atau badan perairan yang tertentu menjadi kawasan pemuliharaan air—

- (a) bagi memastikan bahawa suatu badan perairan tertentu dilindungi secukupnya daripada perubahan alirannya, pencemaran atau degradasi; atau
- (b) bagi tujuan digunakan atau dicadang hendak digunakan sebagai kawasan tadahan air bagi mengimpaun reservoir atau pengambilan bekalan air.

(2) Pengisytiharan sesebuah kawasan pemuliharaan air hendaklah memasukkan pernyataan—

- (a) had kawasan dan maksud pengisytiharan kawasan tersebut sebagai kawasan pemuliharaan air;
- (b) jenis atau kelas aktiviti atau pembangunan yang mana langkah-langkah atau kerja yang tertentu adalah terpakai;
- (c) jenis aktiviti yang dilarang;
- (d) terma-terma, syarat-syarat dan sekatan yang terpakai kepada aktiviti, langkah-langkah yang dijalankan atau pembangunan dalam kawasan masing-masing; dan
- (e) badan yang diberikan kuasa untuk mengurus kawasan itu.

(3) Pernyataan yang dirujuk dalam subseksyen (2) hendaklah diambil kira oleh mana-mana pihak berkuasa awam dalam mengeluarkan lesen, permit atau kelulusan untuk aktiviti-aktiviti dalam kawasan pemuliharaan air.

Arahan di kawasan pemuliharaan air

37. Tanpa menghadkan keluasan makna seksyen 70, Pengarah Sumber Air boleh mengarahkan pemunya atau penghuni premis dalam kawasan pemuliharaan air untuk—

- (a) mengambil langkah-langkah untuk melambatkan, mengurangkan atau menghalang air daripada mengalir dari premis ke dalam suatu badan perairan;
- (b) menanam jenis tumbuh-tumbuhan khas;
- (c) menempatkan semula struktur;
- (d) menjalankan suatu aktiviti, termasuk aktiviti pertanian, menurut suatu cara khas;

- (e) mengambil apa-apa langkah lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pengarah Sumber Air untuk menghalang degradasi sumber air; dan
- (f) memulihkan rizab sungai atau badan perairan dalam kawasan itu kepada keadaannya yang sebaik sahaja sebelum bermulanya aktiviti atau pembangunan dalam kawasan itu.

Pengambilan tanah yang diberi hakmilik

Pengambilan tanah yang diberi hakmilik

38. Jika tanah dalam suatu rizab sungai atau kawasan pemuliharaan air adalah tanah diberi hakmilik, Pihak Berkuasa Negeri boleh, jika difikirkannya suai manfaat untuk melakukan demikian, menyebabkan tanah tersebut diambil bagi maksud awam di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*].

BAHAGIAN VIII

AKTIVITI LAIN

Pengekstrakan pasir dan bahan batuan yang lain

39. (1) Tiada seseorang pun boleh mengekstrak pasir dan bahan batuan lain daripada badan perairan dan rizab sungai melainkan pengekstrakan itu dijalankan—

- (a) di suatu tapak yang dikenal pasti dalam rancangan pengurusan lembangan sungai yang diluluskan sebagai suatu kawasan melombong pasir;
- (b) di suatu tapak yang terletak di kawasan yang tidak diliputi oleh rancangan lembangan sungai dengan syarat permohonan kelulusan disertakan bersama kajian oleh mana-mana pakar atau pakar-pakar yang boleh diterima oleh Lembaga yang menunjukkan bahawa kadar pengendapan adalah mencukupi untuk menjadikan pengekstrakan yang mapan;

- (c) jika pemindahan enapan diperlukan sebagai sebahagian daripada kerja mengurangkan banjir yang diterangkan dalam rancangan lembangan sungai yang diluluskan;
- (d) jika pemindahan enapan diperlukan sebagai sebahagian kerja daripada mengurangkan banjir dibiayai sepenuhnya atau sebahagian oleh Kerajaan Persekutuan; atau
- (e) jika pemindahan enapan diperlukan bagi penyenggaraan saluran pengemudian

dan menurut langkah perlindungan seperti yang dicadangkan oleh Pengarah Sumber Air.

(2) Berkenaan dengan kawasan yang dirujuk dalam perenggan 1(a) dan (b), jumlah pengekstrakan yang dibenarkan hendaklah tidak melebihi pelonggokan yang dianggarkan semasa lima tahun atau apa-apa kadar pengekstrakan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

(3) Pemohon permit di bawah Kanun Tanah Negara 1965 bagi ekstrakan pasir dan bahan batuan hendaklah sebelum membuat permohonannya itu, kemukakan kepada Pengarah Sumber Air aktiviti yang dicadangkan dengan menunjukkan pematuhannya dengan kehendak-kehendak di bawah subseksyen (1).

(4) Selepas meneliti butiran yang dikemukakan di bawah subseksyen (3), Pengarah Sumber Air hendaklah memberi ulasan bertulis tentang aktiviti kepada Agensi Berkaitan, di mana ulasan itu boleh termasuk cadangan kepada Agensi Berkaitan mengenai syarat-syarat yang perlu dimasukkan ke dalam mana-mana permit yang dikeluarkan oleh Agensi Berkaitan.

Rekreasi

40. (1) Pemunya dan pengendali semua aktiviti rekreasi atau aktiviti waktu lapang atas atau dalam badan-badan perairan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengelakkan terjadinya—

- (a) kerosakan kepada lapisan, tebing atau pesisir badan perairan;

- (b) pencemaran badan perairan;
- (c) halangan kepada pengemudian; atau
- (d) bahaya atau kacau ganggu kepada mana-mana orang atau benda.

(2) Pengarah Sumber Air boleh mengeluarkan apa-apa arahan sebagaimana difikirkannya patut kepada mana-mana orang yang menjalankan atau menganjurkan suatu aktiviti rekreasi atau waktu lapang bagi mengelakkan atau mengurangkan apa-apa kesan yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Lembaga boleh menetapkan jenis aktiviti rekreasi atau waktu lapang atas atau dalam badan perairan yang perlu untuk dilesenkan.

BAHAGIAN IX

LANGKAH-LANGKAH KECEMASAN

Langkah-langkah pengurangan jika berlaku pencemaran akut

41. (1) Sekiranya berlaku kemalangan atau keadaan yang seumpamanya yang menyebabkan pencemaran tidak wajar yang nyata terhadap apa-apa badan perairan, atau yang menimbulkan risiko pencemaran, orang yang terlibat hendaklah dengan segera mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk meminimumkan kesan atau risiko kepada alam sekitar dan hendaklah dengan segera memaklumkan pihak Polis atau Pengarah Sumber Air.

(2) Pengarah Sumber Air hendaklah mengambil apa-apa tindakan sebagaimana difikirkannya patut untuk menangani apa-apa ancaman kepada kesihatan dan keselamatan awam atau kepada alam sekeliling dalam keadaan yang diperihalkan dalam subseksyen (1) dan boleh mengeluarkan arahan menghendaki mana-mana orang atau agensi bagi membantu melaksanakannya.

Langkah-langkah jika berlaku kemarau

42. (1) Jika Lembaga berpuas hati bahawa atas sebab kekurangan hujan yang luar biasa, berlaku kekurangan bekalan air yang serius di

mana-mana kawasan atau diancam, maka Lembaga boleh, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Berkaitan, mengambil apa-apa tindakan yang pada pendapat Lembaga perlu dan suai manfaat untuk memenuhi kekurangan itu atau selainnya perlu dalam kepentingan awam.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1) Lembaga boleh—

- (a) mengabstrak atau mengarah mana-mana orang untuk mengabstrak air daripada mana-mana badan perairan atau melepaskan air ke mana-mana tempat yang dinyatakan dalam perintah;
- (b) melarang atau mengehadkan pengabstrakan air dari mana-mana badan perairan oleh mana-mana orang atau membekalkan air kepada mana-mana orang, golongan orang atau penempatan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah; dan
- (c) mengarah mana-mana orang untuk melaksanakan apa-apa kerja yang dikehendaki bagi penunaian apa-apa tugas atau perjalanan apa-apa kuasa yang dikenakan atau diberikan oleh perintah.

Langkah-langkah pertahanan banjir

43. Lembaga boleh, selepas berunding dengan pihak berkuasa berkaitan, mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkan patut bagi kawalan dan pengurusan banjir termasuk—

- (a) pembentukan, organisasi dan operasi jawatankuasa pertahanan banjir bagi lembangan sungai;
- (b) pengambilan langkah-langkah pengurangan untuk mengurangkan kesan banjir; dan
- (c) apa-apa perkara lain sebagaimana difikirkannya patut bagi pengurusan pertahanan banjir yang sepatutnya.

BAHAGIAN X

TATACARA PELESENAN, KELULUSAN DAN RAYUAN

*Pelesenan***Permohonan**

44. (1) Tiap-tiap pemohon suatu lesen di bawah Enakmen ini hendaklah mengemukakan suatu permohonan kepada Pengarah Sumber Air yang memasukkan maklumat yang berikut:

- (a) sifat aktiviti yang berkaitan dan semua kerja dan langkah-langkah yang perlu untuk menjalankan aktiviti itu; dan
- (b) semua maklumat yang ditentukan di bawah Enakmen ini atau yang diminta secara bertulis oleh Pengarah Sumber Air, yang boleh memasukkan maklumat mengenai langkah-langkah untuk mengawal dan mengurangkan apa-apa kesan yang buruk ke atas persekitaran air.

(2) Jika permohonan itu tidak disertakan bersama semua maklumat yang dinyatakan dalam subsekyen (1) ia hendaklah dikembalikan kepada pemohon.

(3) Pengarah Sumber Air boleh, pada bila-bila masa selepas suatu permohonan yang lengkap diserahkan, menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat tambahan sebagaimana Pengarah Sumber Air fikirkan patut, termasuk—

- (a) maklumat mengenai langkah-langkah yang dicadangkan untuk dijalankan oleh pemohon sebagai teknik terbaik yang ada dalam menghalang dan meminimumkan apa-apa kesan yang buruk ke atas alam sekeliling; atau
- (b) jika langkah-langkah yang dicadangkan untuk dijalankan bukanlah teknik terbaik yang ada, maklumat mengenai kecekapan dan keberkesanan teknik alternatif itu.

Ulasan dan bantahan orang awam ke atas aktiviti yang penting

45. (1) Pengarah Sumber Air boleh, tidak lewat daripada dua minggu selepas menerima suatu permohonan yang lengkap berhubungan dengan suatu aktiviti yang penting, menyiarkan suatu notis dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, yang satu hendaklah dalam akhbar bahasa kebangsaan, yang mengandungi butir-butir permohonan dan tarikh akhir bagi membuat bantahan.

(2) Bagi maksud seksyen ini suatu “aktiviti penting” adalah—

- (a) apa-apa aktiviti yang pada pendapat Pengarah Sumber Air mungkin mempunyai suatu kesan yang penting ke atas kualiti, kuantiti atau aliran air atau alam sekeliling;
- (b) pengabstrakan air pada kadar yang lebih daripada seratus meter padu sehari daripada air tanah atau daripada sungai yang kurang daripada lima meter lebarnya atau apa-apa kadar maksimum lain yang dinyatakan dalam arahan di bawah Enakmen ini;
- (c) pengabstrakan air pada kadar yang lebih daripada lima ratus meter padu sehari daripada sungai yang lima meter atau lebih lebarnya atau apa-apa kadar maksimum lain yang dinyatakan dalam arahan di bawah Enakmen ini;
- (d) pelepasan air buangan pada kadar yang lebih daripada sepuluh meter padu sehari atau apa-apa kadar maksimum lain yang dinyatakan dalam arahan di bawah Enakmen ini;
- (e) kerja sungai dan struktur yang boleh menghalang pengemudian; atau
- (f) apa-apa aktiviti lain yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai “penting”.

(3) Pengarah Sumber Air boleh menghendaki pemohon bagi mengadakan forum awam untuk menerangkan aktiviti yang telah dirancang kepada orang awam sebelum tempoh yang telah ditentukan untuk membuat bantahan di bawah subseksyen (4).

(4) Mana-mana orang yang membuat bantahan terhadap suatu permohonan pelesenan, hendaklah melakukan yang demikian secara bertulis dan hendaklah—

- (a) menyatakan sebab-sebab bantahan itu dibuat; dan
- (b) mengemukakan bantahan itu kepada Pengarah Sumber Air dalam tempoh tiga minggu dari tarikh penyiaran notis di bawah subseksyen (1).

(5) Pengarah Sumber Air hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai bantahan itu dan sebab-sebab bantahan itu, maka pemohon boleh, atas permintaan, diberikan masa dua puluh satu hari dari tarikh penerimaan pemberitahuan bantahan itu, untuk membuat suatu jawapan bertulis kepada Pengarah Sumber Air berhubung dengan bantahan itu.

Keputusan

46. (1) Pengarah Sumber Air boleh meluluskan atau menolak permohonan selepas mengambil kira semua maklumat, bantahan dan ulasan.

(2) Suatu keputusan yang muktamad, sama ada kelulusan atau penolakan permohonan, hendaklah dibuat secara bertulis tidak lewat daripada tiga bulan, atau enam bulan jika seksyen 45 terpakai, selepas Pengarah Sumber Air menerima suatu permohonan lengkap dan hendaklah memaklumkan pemohon akan haknya untuk merayu, jika ada, dan, sekiranya permohonan itu ditolak, sebab bagi penolakan itu.

Kandungan lesen

47. (1) Pengarah Sumber Air boleh mengeluarkan suatu lesen tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana difikirkan patut oleh Pengarah Sumber Air, termasuklah—

- (a) apa-apa langkah khas yang akan diambil untuk menggalakkan penggunaan air yang efisien, penjimatan air dan untuk melindungi dan memperbaiki sumber air dan persekitaran air; dan

- (b) suatu pelan kecemasan yang memadai, termasuklah langkah-langkah bagi keadaan kepincangan tugas aktiviti air dengan kesan ke atas atau ancaman kepada sumber air, alam sekeliling dan kesihatan awam.
- (2) Suatu lesen boleh dikeluarkan bagi tempoh tidak melebihi lima tahun.
- (3) Dalam menentukan tempoh pengendalian sesuatu lesen, Pengarah Sumber Air hendaklah menimbangkan jenis, skala dan jangka masa dan kesan yang mungkin berlaku ke atas apa-apa sumber air daripada aktiviti yang dicadangkan.
- (4) Pemegang lesen boleh memohon pelanjutan tempoh lesennya dengan membuat permohonan tidak lewat daripada enam bulan sebelum lesen yang sedia ada itu tamat tempoh.
- (5) Pengarah Sumber Air boleh membenarkan suatu lanjutan sesuatu lesen bagi sekian tempoh dan tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Sekuriti

48. Pengarah Sumber Air boleh menghendaki seseorang pemohon bagi sesuatu lesen di bawah Enakmen ini untuk mendepostikan dengan Lembaga suatu sekuriti bagi memastikan pematuhan syarat-syarat yang lesen atau kelulusan adalah tertakluk.

Daftar lesen

- 49.** (1) Pengarah Sumber Air hendaklah menyimpan suatu daftar lesen yang dikeluarkannya.
- (2) Daftar itu hendaklah mengandungi salinan lesen termasuk syarat-syarat yang dilampirkan padanya.
- (3) Daftar hendaklah boleh diakses oleh orang awam pada waktu pejabat.

Obligasi pemegang lesen

50. (1) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi tiap-tiap terma dan syarat lesen dan apa-apa syarat yang ditetapkan di bawah Enakmen ini.

(2) Pengarah Sumber Air boleh menghendaki pemegang lesen atau jika pemegang lesen adalah sebuah badan korporat, pengarah atau pengurus bagi pemegang lesen itu, memperakui dalam laporan tahunan yang difailkan dengan Lembaga bahawa—

- (a) pemegang lesen adalah mematuhi syarat-syarat dalam lesen dan peruntukan Enakmen ini dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan pemegang lesen, atau dalam hal badan korporat, pengarah dan pengurus, laporan itu tidak mengandungi apa-apa pernyataan yang tidak benar mengenai fakta material atau apa-apa peninggalan yang boleh menyebabkan mana-mana bahagian laporan itu mengelirukan; dan
- (b) terdapat kawalan dalaman mencukupi yang diwujudkan yang mana pemegang lesen, atau dalam hal badan korporat, pengarah atau pengurus adalah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua maklumat yang material berhubung dengan pematuhan syarat-syarat lesen atau peruntukan Enakmen ini oleh pemegang lesen diberitahu kepada pengarah atau pengurus yang memperakui laporan itu.

Pengubahan syarat-syarat dalam lesen

51. (1) Pengarah Sumber Air boleh, jika terdapat suatu perubahan keadaan yang penting atau sebab lain yang mencukupi, membatalkan atau mengubah apa-apa syarat yang dilampirkan dalam lesen atau melampirkan syarat-syarat yang baru padanya sama ada sebagai tambahan atau penggantian kepada syarat-syarat yang sedia ada melalui notis bertulis kepada pemegang lesen.

(2) Perubahan hal keadaan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah termasuk yang berikut :

- (a) maklumat baru diperolehi mengenai kesan yang buruk ke atas kesihatan manusia atau alam sekeliling yang disebabkan oleh

pencemaran, atau perundangan yang menetapkan piawaian kualiti alam sekitar telah ditukar;

- (b) teknik yang baru telah ada yang berpotensi untuk mengurangkan kesan alam sekitar akibat aktiviti yang penting;
- (c) proses pengendalian keselamatan yang menghendaki teknik lain digunakan; atau
- (d) pertimbangan semula dikehendaki oleh perundangan lain.

Pembatalan

52. (1) Pengarah Sumber Air boleh membatalkan lesen jika—

- (a) pemegang lesen membuat suatu pernyataan palsu atau mengelirukan pada suatu permohonan, bahan-bahan, maklumat atau pelan yang dikemukakan untuk menyokong permohonan untuk mendapatkan lesen;
- (b) apa-apa syarat yang dikenakan berhubung dengan lesen telah dilanggar;
- (c) pemegang lesen telah gagal untuk mematuhi apa-apa peruntukan Enakmen ini atau apa-apa kehendak atau arahan yang dibuat di bawah Enakmen ini;
- (d) pemegang lesen tidak membayar fi atau caj yang dikenakan mengenai lesen;
- (e) pemegang lesen tidak mampu untuk membayar hutangnya atau menanggung bayaran kepada atau membuat apa-apa perkiraan atau penyusunan dengan pemiutangnya yang pada pendapat Pengarah Sumber Air operasi pelesen adalah mudarat, atau fakta-fakta atau hal keadaan wujud yang pada pendapat Pengarah Sumber Air kemungkinan akan menjurus kepada kejadian tersebut;
- (f) tanpa apa-apa penjelasan yang munasabah, lesen tidak digunakan bagi tempoh dua tahun berturut-turut dalam tempoh lesen; atau

(g) aktiviti yang dilesenkan adalah untuk suatu maksud yang tidak sah dan bercanggah dengan perintah mahkamah atau menjejaskan kepentingan awam.

(2) Jika Pengarah Sumber Air bercadang untuk membatalkan sesuatu lesen, beliau hendaklah melalui notis bertulis memaklumkan pemegang lesen mengenai pembatalan lesen yang menyatakan dalam notis itu dan menghendaki pemegang lesen itu memberi respons dalam tempoh yang ditetapkan, menyatakan sebab-sebabnya, berkenaan dengan mengapa lesen itu tidak seharusnya dibatalkan.

(3) Setelah mempertimbangkan apa-apa pernyataan oleh pemegang lesen, Pengarah Sumber Air boleh—

(a) membatalkan lesen melalui notis bertulis, yang menyatakan dalam notis itu alasannya; atau

(b) memutuskan untuk tidak meneruskan pembatalan

(4) Tiada seseorang pun yang lesennya dibatalkan mempunyai hak untuk pampasan bagi apa-apa kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh pembatalan itu.

Penamatan

53. Suatu lesen disifatkan sebagai ditamatkan jika—

(a) tempoh lesen yang dikeluarkan itu telah tamat;

(b) pemegang lesen telah melepaskan hak yang diberikan dalam lesen;

(c) pemegang lesen telah digulungkan atau diisytiharkan bankrap; atau

(d) terdapat suatu perintah muktamad mahkamah yang menghalang pelaksanaan aktiviti yang dilesenkan.

*Tribunal Rayuan***Penubuhan Tribunal Rayuan**

54. Suatu Tribunal Rayuan hendaklah ditubuhkan bagi maksud mendengar rayuan mengenai mana-mana perkara yang berikut:

- (a) keengganan untuk memberikan lesen di bawah Enakmen ini;
- (b) pengenaan atau pengubahan apa-apa syarat berkenaan dengan lesen; dan
- (c) pembatalan lesen.

Anggota Tribunal Rayuan

55. (1) Tribunal Rayuan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri:

- (a) seorang Pengerusi, yang merupakan seorang anggota atau bekas anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan atau merupakan seorang peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi yang sedang menjalankan amalan sekurang-kurangnya selama sepuluh tahun; dan
- (b) sekurang-kurangnya empat orang anggota lain, diantaranya, seorang yang hendaklah daripada sektor swasta dengan pengalaman dalam bidang pemeliharaan dan perlindungan alam sekitar.

(2) Tiada anggota, pegawai atau kakitangan Lembaga yang layak untuk dilantik sebagai anggota Tribunal Rayuan.

(3) Seseorang anggota Tribunal Rayuan hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula setelah tamat tempoh memegang jawatannya.

(4) Anggota Tribunal Rayuan hendaklah dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(5) Pihak Berkuasa Negeri boleh melalui notis bertulis membatalkan pelantikan mana-mana anggota Tribunal Rayuan.

Tatacara Tribunal Rayuan

56. Tribunal Rayuan hendaklah memutuskan tatacaranya sendiri dan menyiarkan dalam *Warta*.

Urus setia

57. Tribunal Rayuan hendaklah dibantu oleh suatu Urus Setia yang terdiri daripada seorang Setiausaha dan apa-apa bilangan kakitangan sebagaimana yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Prosiding

58. (1) Tiap-tiap prosiding Tribunal Rayuan hendaklah didengar oleh Pengerusi dan empat anggota Tribunal Rayuan yang lain.

(2) Semasa ketidakhadiran Pengerusi, anggota-anggota Tribunal Rayuan yang hadir dalam prosiding hendaklah melantik seorang anggota dikalangan mereka untuk bertindak sebagai pengerusi bagi prosiding tertentu itu.

(3) Tiada anggota yang boleh menghadiri dan menyertai dalam sesuatu prosiding Tribunal Rayuan jika perkara tertentu dalam rayuan tersebut berkaitan dengan suatu perkara yang beliau mempunyai kepentingan, dan beliau hendaklah dengan segera mendedahkan kepentingannya kepada Pengerusi.

Tatacara rayuan

Rayuan

59. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

- (a) keengganan untuk memberi suatu lesen di bawah Enakmen ini;
- (b) penganan atau pengubahan apa-apa syarat sesuatu lesen; atau

(c) pembatalan sesuatu lesen

boleh membuat rayuan kepada Tribunal Rayuan.

(2) Suatu rayuan kepada Tribunal Rayuan hendaklah dibuat dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh keputusan Pengarah Sumber Air atau Lembaga.

Rayuan tidaklah menjadi suatu penggantungan tindakan

60. Suatu permohonan untuk rayuan tidak berfungsi sebagai menggantung tindakan kecuali jika perintah suatu penggantungan telah dibenarkan oleh Tribunal Rayuan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kuasa Tribunal Rayuan

61. Tribunal Rayuan hendaklah mempunyai kuasa mahkamah rendah berhubung dengan memanggil saksi untuk hadir di hadapannya, mendengar keterangan bersumpah atau pengakuan, dan menghendaki dan memastikan pengemukaan apa-apa maklumat, dokumen atau benda lain dalam milikannya atau di bawah kawalannya.

Keputusan Tribunal Rayuan adalah muktamad

62. Suatu keputusan Tribunal Rayuan hendaklah dibuat melalui majoriti anggotanya. Keputusan itu adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak, dan tidak boleh dirayukan selanjutnya.

BAHAGIAN XI

FI DAN CAJ

Caj air mentah

63. (1) Mana-mana orang yang mengabstrak atau menggunakan air daripada badan perairan, hendaklah membayar suatu caj air mentah yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh mengecualikan caj bagi jenis kegunaan air tertentu.

Kuasa untuk menganggarkan amaun air yang digunakan

64. Pengarah Sumber Air boleh membuat suatu anggaran amaun air yang digunakan oleh seseorang dalam tahun yang berkaitan jika—

- (a) amaun yang digunakan oleh orang itu belum lagi disukat; atau
- (b) apa-apa peranti yang digunakan untuk menyukat amaun air yang digunakan oleh orang itu telah gagal untuk menyukat amaun dengan tepat bagi semua atau mana-mana bahagian tahun yang berkaitan

dan orang itu hendaklah membayar fi dan caj yang terpakai yang ditetapkan untuk amaun yang dianggarkan.

Mendapatkan semula fi dan caj

65. Fi dan caj yang dikenakan di bawah Enakmen ini boleh didapatkan semula sebagai suatu hutang yang terhutang kepada Lembaga oleh orang yang ke atasnya fi dan caj dikenakan.

BAHAGIAN XII**PENGUATKUASAAN****Pegawai diberi kuasa**

66. (1) Kuasa penguatkuasa di bawah Enakmen ini hendaklah dikuatkuasakan oleh seseorang pegawai diberi kuasa.

(2) Bagi maksud Enakmen ini, seseorang pegawai diberi kuasa ertinya:

- (a) Pengarah Sumber Air; dan
- (b) mana-mana pegawai Lembaga atau pegawai suatu Agensi Berkaitan yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah Sumber Air untuk menjalankan semua atau apa-apa bahagian kuasa di bawah Bahagian ini sebagaimana yang ditentukan olehnya.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan 1997 [Akta 574].

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan sesuatu penyiasatan pelakuan suatu kesalahan boleh menjalankan kuasa penyiasatan polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] melainkan kuasa untuk menangkap tanpa waran.

Kuasa untuk masuk dan memeriksa

67. Seseorang pegawai diberi kuasa boleh memasuki mana-mana premis bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk memantau aktiviti yang dikawal selia oleh Enakmen ini;
- (b) untuk menjalankan apa-apa tinjauan atau pungutan data mengikut Enakmen ini; atau
- (c) untuk mengambil bacaan meter, atau penyukatan atau sampel apa-apa perkara bagi maksud Enakmen ini.

Kuasa untuk masuk dan menyita semasa penyiasatan

68. (1) Jika seseorang pegawai diberi kuasa mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan, beliau boleh, tanpa suatu waran, memasuki atau mengakses atau mengakses melalui mana-mana premis, vesel atau kenderaan untuk menggeledah, memeriksa, mengambil salinan atau menyita apa-apa dokumen, data berkomputer atau artikel, yang beliau percaya adalah perlu untuk menjalankan sesuatu penyiasatan ke atas apa-apa kesalahan.

(2) Jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan apa-apa dokumen atau artikel tidak boleh dilaksanakan daripada atau melalui akses melalui premis, vesel atau kenderaan, pegawai diberi kuasa boleh dengan apa-apa cara mengelak dokumen atau artikel itu.

(3) Pegawai diberi kuasa hendaklah menyediakan suatu senarai apa-apa dokumen atau artikel yang disita, yang hendaklah ditandatangani olehnya, dan salinannya hendaklah diserahkan kepada pemunya atau penghuni premis, vesel atau kenderaan atau pekerja atau ejennya.

(4) Jika kemasukan atau akses yang dirujuk dalam subseksyen (1) dihalang dalam apa-apa cara, pegawai diberi kuasa boleh dengan waran yang dikeluarkan oleh Majistret—

- (a) memecah buka mana-mana pintu luar atau dalam premis, vesel atau kenderaan itu dan masuk ke dalamnya;
- (b) secara kekerasan memasuki tempat itu dan tiap-tiap bahagiannya;
- (c) mengalihkan dengan kekerasan apa-apa halangan untuk masuk, geledah, sita dan pemindahan sebagaimana beliau diberikan kuasa untuk menguatkuasakan di bawah subseksyen (1); dan
- (d) memecah buka apa-apa bekas untuk memeriksa kandungannya.

(5) Jika seseorang Majistret mendapati, berdasarkan maklumat bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang didapatinya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa dalam mana-mana premis, vesel atau kenderaan, disembunyikan atau disimpan apa-apa dokumen atau artikel yang semunasabahnya dipercayai untuk memberikan keterangan pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, Majistret boleh mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa mana-mana pegawai diberi kuasa yang kepadanya ia ditujukan, pada waktu siang atau malam, dengan atau tanpa bantuan, untuk memasuki premis, vesel atau kenderaan itu dan di premis itu menggeledah dan menyita apa-apa dokumen atau artikel.

(6) Jika seseorang pegawai diberi kuasa mendapati bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa dalam mana-mana premis, vesel atau kenderaan, disembunyikan atau disimpan apa-apa dokumen atau artikel yang semunasabahnya dipercayai untuk memberikan keterangan pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, dan jika beliau mempunyai sebab yang munasabah untuk

mempercayai bahawa artikel atau benda itu mungkin dipindahkan atau dimusnahkan, beliau boleh menjalankan kuasa yang disebut dalam subseksyen (4) tanpa suatu waran.

Bukti kuasa

69. Dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen 67 dan 68, seseorang pegawai diberi kuasa hendaklah mengemukakan, atas permintaan, bukti kuasanya untuk berada di dalam premis, vesel dan kenderaan itu.

Arahan untuk menghentikan aktiviti

70. Jika sesuatu aktiviti sedang dijalankan atau hampir dijalankan bersalahan dengan peruntukan Enakmen ini, atau ia adalah suatu aktiviti yang merosakkan atau mengancam untuk merosakkan atau mempunyai kesan yang buruk ke atas sumber air atau persekitaran air, Pengarah Sumber Air boleh, secara bertulis boleh mengarahkan pemunya premis yang di dalamnya aktiviti itu sedang dijalankan, pengendali atau orang yang bertanggungjawab atau mempunyai kawalan dan pengurusan terhadap aktiviti tersebut untuk—

- (a) menghentikan perjalanan atau menahan daripada bermulanya aktiviti itu;
- (b) menjalankan apa-apa langkah termasuk kerja merobohkan, membaik pulih, memulihkan atau membangunkan semula sebagaimana yang ditetapkan di dalam arahan;
- (c) mengambil apa-apa tindakan lain sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengarah Sumber Air untuk melindungi dan menghalang pencemaran atau keburukan selanjutnya kepada persekitaran air atau apa-apa ancaman pencemaran atau keburukan tersebut.

Perintah untuk impaun

71. (1) Jika Pengarah Sumber Air berpuas hati bahawa seseorang telah memindahkan bahan daripada premis yang membentuk lapisan atau tebing badan perairan atau kepada rizab sungai, atau menyimpan bahan

dalam premis itu yang bersalahan dengan Enakmen ini atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya, beliau boleh mengeluarkan suatu perintah untuk mengimpaun berkenaan dengan—

- (a) keseluruhan atau apa-apa bahagian bahan yang dipindahkan atau disimpan; dan
- (b) apa-apa tumbuhan atau peralatan atau benda lain yang digunakan dalam pemindahan atau penyimpanan bahan itu.

(2) Suatu perintah untuk mengimpaun yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta, melainkan jika dinyatakan selainnya dalam perintah itu, dan boleh mengandungi apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah Sumber Air.

(3) Pengarah Sumber Air boleh, secara bertulis, mengubah atau membatalkan suatu perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), atau apa-apa syarat yang dikenakan ke atasnya.

(4) Melainkan jika dibatalkan lebih awal oleh Pengarah Sumber Air, atau selainnya diketepikan semasa rayuan, suatu perintah untuk mengimpaun hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh 12 bulan daripada tarikh ia dikeluarkan.

(5) Apa-apa jua yang diimpaun dalam menjalankan kuasa di bawah seksyen ini boleh kena pelucuthakan. Suatu perintah pelucuthakan atau pelepasan apa-apa jua yang diimpaun boleh dibuat jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa bahan, tumbuhan atau peralatan itu adalah perkara pokok atau digunakan dalam pelakuan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(6) Apa-apa bahan, tumbuhan atau peralatan atau barang lain yang diperintahkan untuk dilucuthakkan di bawah subseksyen (1) boleh dilupuskan oleh Lembaga dan hasil pelupusan itu hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Sumber Air.

Kuasa untuk mengambil tindakan pemulihan

72. (1) Jika apa-apa kehendak atau arahan yang dibuat di bawah Enakmen ini tidak dipatuhi oleh orang yang kehendak atau arahan itu

ditujukan, Pengarah Sumber Air atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh, bagi maksud untuk menguatkuasakan kehendak atau arahan itu—

- (a) memasuki tapak aktiviti, dan setakat yang perlu untuk mendapatkan akses kepada aktiviti itu, memasuki premis yang bersebelahan;
- (b) menjalankan atau menyebabkan untuk dijalankan langkah-langkah atau kerja yang dinyatakan dalam arahan; dan
- (c) mengambil apa-apa tindakan lain yang perlu atau suai manfaat untuk menguatkuasakan arahan itu.

(2) Amaun apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan tindakan pemulihan menurut subseksyen (1) boleh didapati kembali sebagai hutang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang bertanggungjawab bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran yang dinyatakan dalam subseksyen yang berkaitan.

(3) Suatu perakuan Pengarah Sumber Air yang menyatakan bahawa—

- (a) beliau berpendapat bahawa orang yang dinamakan dalam perakuan adalah bertanggungjawab bagi ketidakpatuhan atau pelanggaran yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi maksud apa-apa prosiding di bawah seksyen ini; dan
- (b) kos dan perbelanjaan yang ditanggung sebagaimana yang dinyatakan dalam perakuan hendaklah menjadi bukti muktamad mengenai jumlah yang kena dibayar dan tidak tertakluk kepada rayuan di mana-mana mahkamah.

Anggapan

73. (1) Jika dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pengabstrakan air yang melanggar dengan peruntukan di bawah Bahagian V Enakmen ini, dibuktikan bahawa pada masa air dikatakan telah diambil, badan perairan telah disambungkan oleh paip atau saluran

kepada suatu premis tertentu, pemunya atau penghuni premis itu hendaklah dianggap, sekiranya tiada bukti yang berlawanan, telah mengambil air daripada badan perairan itu.

(2) Jika dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pelencongan air yang melanggar peruntukan di bawah Bahagian V Enakmen ini, dibuktikan bahawa pada masa pelencongan itu suatu tebing badan perairan telah diganggu, pemunya dan penghuni premis yang paling hampir dengan tebing yang diganggu itu hendaklah dianggap, sekiranya tiada bukti yang berlawanan, telah melaksanakan pelencongan itu dan mengganggu tebing itu.

(3) Jika dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pelepasan bahan pencemaran ke dalam badan perairan yang melanggar peruntukan di bawah Bahagian VI Enakmen ini, dibuktikan bahawa bahan pencemaran itu berasal daripada suatu premis tertentu, pemunya dan penghuni premis itu hendaklah dianggap, sekiranya tiada bukti yang berlawanan, telah menyebabkan pelepasan itu.

Pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

74. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan suatu penyiasatan tentang suatu kesalahan di bawah Enakmen ini boleh, secara bertulis, menghendaki hadir di hadapannya mana-mana orang yang pada pendapatnya mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan kes itu.

(2) Jika mana-mana orang gagal untuk hadir sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1), kegagalannya boleh dilaporkan oleh pegawai diberi kuasa kepada seorang Majistret yang akan mengeluarkan suatu waran untuk memastikan kehadiran orang itu.

(3) Seseorang yang diperiksa oleh pegawai diberi kuasa adalah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar dan tertakluk kepada subseksyen (4), menjawab semua soalan yang berhubungan dengan kes itu.

(4) Seseorang boleh enggan untuk menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkannya kepada pertuduhan jenayah, penalti atau pelucuthakan.

(5) Seseorang yang disoal di bawah seksyen ini hendaklah dimaklumkan mengenai hak dan obligasinya yang dinyatakan di bawah subseksyen (3) dan (4) sebelum soal siasat bermula.

(6) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah, apabila mungkin, diubah ke dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dilekatkan cap jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa beliau membuatnya, dan selepas beliau diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang beliau mahu.

Kebolehterimaan pernyataan dalam keterangan

75. (1) Jika mana-mana orang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, apa-apa pernyataan yang dibuat olehnya kepada atau apabila didengar oleh seseorang yang diberi kuasa boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya, dan jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan semasa pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Suatu pernyataan yang disebut dalam subseksyen (1) termasuklah suatu pernyataan yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada ia suatu pengakuan salah atau tidak, pernyataan secara lisan atau bertulis, pernyataan yang dibuat sebelum atau selepas orang itu ditangkap, sama ada pernyataan itu dibuat dalam perjalanan suatu penyiasatan atau tidak, dan sama ada atau tidak secara keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan.

(3) Tiada pernyataan yang disebut dalam subseksyen (2) boleh diterima atau digunakan dalam keterangan jika—

- (a) pernyataan itu telah dibuat melalui suatu dorongan, ugutan atau janji;
- (b) dalam hal suatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas beliau ditangkap, beliau tidak diberi amaran dalam perkataan yang berikut atau perkataan yang serupa maksudnya: “Menjadi kewajipan saya untuk memberi amaran kepada anda bahawa anda tidaklah diwajibkan untuk menyatakan apa-apa atau untuk

menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang anda nyatakan, sama ada bagi menjawab sesuatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan dan digunakan terhadap kamu”.

(4) Suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum ada masa untuk memberi amaran kepadanya tidaklah menjadikan pernyataan itu tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana orang itu tidak diberi amaran jika beliau telah diberi amaran dengan secepat yang mungkin selepas pernyataan itu dibuat.

Pendakwaan

76. Tiada pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini, boleh dimulakan kecuali melalui atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

BAHAGIAN XIII

KESALAHAN DAN PENALTI

Kesalahan berhubung dengan lesen

77. Mana-mana orang yang tanpa lesen menjalankan sesuatu aktiviti yang menghendaki lesen di bawah Enakmen ini atau melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan berhubung dengan lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan berhubung dengan arahan

78. Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi arahan sah yang diberikan, di bawah seksyen 37 dan 70 Enakmen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Perampasan faedah wang

79. Jika seseorang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan jika dibuktikan sehingga mahkamah berpuas hati bahawa akibat daripada pelakuan kesalahan itu, faedah wang telah

terakru terhadap pesalah itu, mahkamah boleh memerintahkan pesalah itu untuk membayar sebagai tambahan kepada denda bagi kesalahan itu suatu amaun tambahan yang setara dengan amaun faedah wang tersebut.

Mengganggu alat penyukat

80. Mana-mana orang yang mengganggu alat penyukat yang digunakan untuk mengawasi air yang diabstrak daripada suatu badan perairan atau pelepasan efluen atau apa-apa aktiviti lain yang dikawal selia oleh Enakmen ini sehingga menyebabkan alat itu menunjukkan bacaan yang tidak betul melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Maklumat palsu atau mengelirukan

81. Mana-mana orang yang memberikan maklumat kepada Lembaga atau pegawai diberi kuasa yang diketahuinya atau yang beliau mempunyai sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Menghalang pegawai diberi kuasa

82. Mana-mana orang yang menghalang atau merintangsi seseorang pegawai diberi kuasa yang menjalankan kuasanya dengan sah di bawah Enakmen ini, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pemindahan bahan yang diimpun

83. Mana-mana orang yang menyebabkan apa-apa bahan, tumbuhan atau peralatan yang menjadi perkara pokok kepada suatu perintah untuk mengimpun di bawah seksyen 71 digunakan, dipindahkan, dijual atau selainnya dilupuskan atau dikendalikan dengan melanggar perintah itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya.

Memecah dan memindahkan meterai

84. Mana-mana orang yang memecahkan atau menyingkirkan apa-apa lak yang diletakkan oleh pegawai diberi kuasa menurut subseksyen 68 (2), melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Pendedahan maklumat sulit

85. Mana-mana orang yang mendedahkan apa-apa maklumat yang diperolehnya berkaitan dengan pentadbiran atau pelaksanaan Enakmen ini yang berhubung dengan apa-apa proses pembuatan atau rahsia dagangan yang digunakan dalam menjalankan apa-apa dagangan, industri atau proses tertentu adalah, melainkan jika penzahiran dibuat bagi maksud Enakmen ini atau apa-apa prosiding jenayah di bawah Enakmen ini atau dengan keizinan orang yang menjalankan dagangan, industri atau proses itu, kerana melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan

86. Jika sesebuah syarikat, firma, pertubuhan atau pertubuhan perbadanan yang lain melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu—

(a) pengarah, pengurus atau pegawai serupa yang lain bagi syarikat, pertubuhan atau pertubuhan perbadanan yang lain; atau

(b) rakan kongsi firma itu

hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika beliau membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa keizinan atau pembiarannya dan bahawa beliau telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankannya, dengan mengambil kira sifat tugas dan fungsinya.

Perbuatan atau peninggalan ejen atau pekerja

87. Tiap-tiap orang hendaklah bertanggung bagi perbuatan atau peninggalan ejen atau pekerjanya yang bertindak dalam penjalanan pekerjaannya, jika perbuatan atau peninggalan itu menjadi suatu kesalahan di bawah Enakmen ini, mengikut cara yang sama dan takat yang sama seolah-olah perbuatan atau peninggalan itu dilakukan olehnya, dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh membebaskan ejen atau pekerja itu daripada liabiliti.

Kesalahan am

88. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal untuk mematuhi apa-apa kehendak di bawah Enakmen ini, jika tiada penalti diperuntukkan secara khusus yang berhubung dengannya, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan yang berterusan

89. Jika seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini dan kesalahan itu diteruskan, orang itu harus, selain daripada penalti yang ditetapkan untuk kesalahan tertentu itu, bertanggung kepada denda selanjutnya yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap satu hari kesalahan itu diteruskan.

Pengkompaunan kesalahan

90. (1) Lembaga boleh menetapkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

(2) Pengarah Sumber Air dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, boleh pada bila-bila masa sebelum suatu pertuduhan dimulakan mengkompaun mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) sebagai kesalahan yang boleh dikompaun dengan menerima daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang orang itu boleh dikenakan jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu, dalam apa-apa masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulisnya.

(3) Sesusatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau apa-apa perlanjutan masa yang boleh diberikan oleh Pengarah Sumber Air, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran kompaun itu dibuat, dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Pengarah Sumber Air tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(5) Semua jumlah wang yang diterima di bawah subseksyen (2) hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Sumber Air.

BAHAGIAN XIV

AM

Cara penyampaian dokumen

91. (1) Penyampaian sesuatu dokumen kepada mana-mana orang hendaklah dilaksanakan—

- (a) dengan menyerahkan dokumen itu kepada orang itu atau dengan menyerahkan dokumen itu ke alamat orang itu yang terakhir diketahui;
- (b) dengan meninggalkan dokumen itu di alamat orang itu yang terakhir diketahui atau di tempat perniagaan orang itu dalam suatu sampul yang di alamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantar dokumen itu melalui pos berbayar dahulu yang di alamatkan kepada orang itu di alamatnya yang terakhir diketahui atau di tempat perniagaannya.

(2) Jika suatu notis atau dokumen lain dikirim melalui pos kepada seseorang menurut perenggan (1)(c), ia hendaklah disifatkan, tanpa adanya bukti yang berlawanan, diterima oleh orang itu pada masa surat itu telah dihantar serah mengikut perjalanan biasa pos. Dalam hal suatu lesen atau kelulusan yang dipegang oleh lebih daripada seorang, penyampaian ke atas seorang daripada mereka, atau ke atas mana-mana orang yang dilantik dengan sewajarnya oleh mereka bagi maksud menerima penyampaian hendaklah disifatkan penyampaian ke atas kesemua mereka.

(3) Jika suatu notis atau dokumen lain hendak disampaikan ke atas pertubuhan perbadanan (sama ada permerbadanan atau bukan) bagi maksud Enakmen ini, penyampaian ke atas seseorang pegawai atau ejen pertubuhan itu, atau ke atas pejabat berdaftar pertubuhan itu mengikut subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai penyampaian ke atas pertubuhan itu.

(4) Jika suatu notis atau dokumen lain hendak disampaikan ke atas pemunya atau penghuni mana-mana premis bagi maksud Enakmen ini, penyampaian dengan meninggalkannya di premis yang dialamatkan dengan keterangan “pemunya” atau “penghuni” premis itu hendaklah disifatkan disampaikan ke atas pemunya atau penghuni premis itu. Dalam hal premis itu dipunyai atau dihuni oleh lebih daripada satu orang, penyampaian ke atas seorang daripada mereka, atau ke atas mana-mana orang yang dilantik dengan wajarnya oleh mereka bagi maksud menerima penyampaian hendaklah disifatkan disampaikan ke atas kesemua mereka.

Perlindungan anggota dan orang lain

92. Lembaga, anggota Lembaga, Pengarah Sumber Air, kakitangan Lembaga atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa di bawah Seksyen 12 Enakmen ini tidak boleh di bawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah bagi kerugian atau ganti rugi kerana atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan, apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau diperintahkan supaya dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya secara suci hati dan dalam perjalanan yang dicadangkan akan apa-apa kuasa atau pelepasan yang dicadangkan akan apa-apa tugas yang diberikan kepadanya di bawah Enakmen ini.

Peraturan-peraturan

93. Lembaga boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat apa-apa kaedah dan peraturan mengikut mana yang perlu bagi pelaksanaan peruntukan Enakmen ini, termasuklah, tetapi tidak terhad kepada penetapan semua perkara berkaitan dengan—

- (a) lesen, kelulusan, fi dan caj lain termasuklah masa, tatacara dan cara pembayaran, faedah akan dicaj kerana kelewatan atau tidak membayar dan tatacara mendapatkan balik fi atau caj, syarat standard lesen, borang lesen, fi pembaharuan dan caj proses yang lain;
- (b) kesalahan yang boleh dikompaun;
- (c) pengabstrakan air;
- (d) pelepasan air buangan;
- (e) aktiviti yang melibatkan kerja tanah;
- (f) pengurusan perairan ribut;
- (g) pengurusan sisa haiwan;
- (h) kawalan hasil larut resap daripada tapak pelupusan sisa;
- (i) aktiviti atas badan perairan, termasuk jenis, had laju dan drauf vesel; dan
- (j) aktiviti rekreasi atas badan perairan.

BAHAGIAN XV**PEMANSUHAN DAN KECUALIAN****Pemansuhan**

94. (1) Enakmen No. 129 (Air) 1923 dengan ini dimansuhkan.

(2) Bahagian VIII dan segala rujukan kepada permit dan lesen air dalam Bahagian IX, Enakmen Mineral (Kedah) 2004 adalah dengan ini dimansuhkan.

(3) Enakmen No.5, 1991 (Bekalan Air) adalah dengan ini dimansuhkan.

Kecualian

95. (1) Apa-apa peraturan, kaedah, perintah, pengisytiharan, notis atau pemberitahuan yang dibuat, diberikan atau dikeluarkan di bawah Enakmen No. 129 (Air) 1923 atau Bahagian VIII dan segala rujukan kepada permit dan lesen air dalam Bahagian IX, Enakmen Mineral (Kedah) 2004 atau Enakmen No.5, 1991 (Bekalan Air) sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah, setakat mana ia tidak selaras dengan Enakmen ini, terus berkuat kuasa sehingga dipinda, dibatalkan atau diganti dengan suatu peraturan, kaedah, perintah, pengisytiharan, notis atau pemberitahuan yang dikeluarkan di bawah peruntukan Enakmen ini.

(2) Seseorang yang sebelum daripada bermulanya kuat kuasa Enakmen ini menjalankan apa-apa aktiviti yang menghendaki suatu lesen atau kelulusan di bawah Enakmen ini hendaklah dalam tempoh enam bulan dari permulaan berkuat kuasa Enakmen ini atau apa-apa tempoh sebagaimana yang diputuskan oleh Lembaga memohon bagi lesen atau kelulusan yang diperlukan dan hendaklah sementara menunggu lesen itu diberikan, menjalankan aktiviti itu tertakluk kepada apa-apa syarat atau arahan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Diluluskan di dalam Dewan Undangan Negeri pada 18 November 2007 bersamaan dengan 8 Zulkaedah 1428.

ABD. RASHID BIN HAJI OTHMAN
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Kedah Darul Aman*

[PSU(K) 510-1375 Jld. 2]